

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 OGOS 2025  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA : 13  
SURAT

## Peralihan negara tua kaji umur bersara

Harian Metro | Khamis 07.08.2025

@hmetromy HarianMetro @hmetror

Oleh Mohd Iskandar  
Ibrahim  
am@hmetro.com.my

Putrajaya

**K**erajaan akan melaksanakan kajian had umur persaraan wajib untuk disesuaikan dengan peralihan kepada negara tua.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar berkata, kajian itu dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

"JPA akan melaksanakan kajian (mengenai had umur persaraan wajib). Kita akan buat kajian dahulu, (sebab perubahan had umur persaraan) belum dilaksanakan lagi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri Syarahan Perdana Keupayaan Negara dan Pertumbuhan Terarah: Pendekatan Berorientasikan Misi, di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz.

Pada perutusan dengan Malaysia ke-13 (RMK-13) di Dewan Rakyat sebelum ini, kerajaan di-

### PERALIHAN NEGARA TUA

## Kaji umur bersara



SHAMSUL Azri berucap pada Syarahan Perdana Keupayaan Negara dan Pertumbuhan Terarah: Pendekatan Berorientasikan Misi di Putrajaya.

laporkan akan meneliti had umur persaraan wajib untuk disesuaikan dengan peralihan kepada negara tua.

Perkara itu terkandung dalam prakarsa kesembilan

RMK-13 yang memberi penekanan kepada usaha mencapai keadilan sosial dan kesetaraan peluang untuk kesemua rakyat.

Mei lalu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri

(Undang-Undang dan Reformasi Institusi) Datuk Seri Azalina Othman Said memaklumkan kerajaan sedang menimbang untuk menaikkan had usia persaraan dari 60 kepada 65

tahun.

Beliau berkata, perubahan had usia persaraan itu wajar kerana ramai dalam kalangan mereka yang berusia 60 tahun ke atas masih aktif.